

23 JAN 1998

MENTERI LUAR COLOMBIA LAWAT MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Menteri Luar Colombia Dr Maria Emma Mejia Velez akan melkukan lawatan rasmi selama empat hari ke Malaysia mulai esok untuk meningkatkan hubungan dua hala.

Beliau akan diiringi oleh para pegawai kanan dari Kementerian Luar Colombia dan Lembaga Penggalakkan Eksport Colombia, menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Lawatan itu ialah atas undangan rakan sejawatannya dari Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Velez dijangka mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengadakan rundingan dengan Abdullah dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau juga dijangka memberi taklimat kepada anggota Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia mengenai peluang perdagangan dan pelaburan di Colombia.

Dr Velez kini dalam lawatan ke negara-negara Asia. -- BERNAMA
MAM FAZ